

Ketidaksamaan di Malaysia: Adakah Dasar Ekonomi Berasaskan-Etnik Relevan? (*Inequality in Malaysia: Does Ethnic-Based Economic Policy Relevant?*)

Roza Hazli Zakaria
Universiti Malaya

NurulHuda Mohd Satar
Universiti Malaya

Nur Annizah Ishak
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini cuba menjawab persoalan adakah polisi berasaskan etnik yang diperkenalkan oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) berkesan dalam mencapai objektif dan adakah ianya masih relevan. Kajian ini mengadaptasi metodologi Hirschman (1983) menggunakan data banci tahun 2010. Dapatan kajian mencadangkan bahawa DEB telah berjaya menghapuskan kesan etnik sebagai faktor yang membezakan peluang menyertai sektor pekerjaan kolar putih. DEB juga telah mengurangkan peranan etnik dalam menentukan peluang penyertaan sektor perkilangan dan perniagaan. Namun begitu, etnik masih merupakan faktor yang membezakan peluang untuk menjadi majikan dan bekerja di sektor swasta. Selain itu, perkembangan ekonomi mewujudkan peluang yang lebih besar kepada etnik Cina untuk menyertai sektor perniagaan dan menjadi majikan tetapi peluang untuk etnik Melayu berkurangan. Keputusan ini mencadangkan etnik Cina masih mempunyai kelebihan dalam mendapatkan faedah daripada perkembangan ekonomi. Walaupun keseluruhannya, dasar ekonomi berasaskan etnik telah mengurangkan peranan etnik dalam peluang menyertai sektor ekonomi terpilih tetapi perbezaan dalam peluang untuk menyertai sektor perniagaan kekal wujud. Ini mencadangkan polisi ekonomi berasaskan etnik masih relevan dalam masyarakat Malaysia kontemporari. Intervensi polisi masih diperlukan untuk meningkatkan peluang etnik Melayu menceburi bidang perniagaan dan memastikan perkembangan ekonomi mampu menjana peluang ini.

Kata kunci: Dasar ekonomi baru; ketidaksamaan; Malaysia

ABSTRACT

This study attempts to answer the question of whether ethnic-based policy introduced under the Malaysian New Economic Policy (NEP) has achieved its objectives and still relevant. We adopt Hirschman (1983)'s method and utilize the 2010 census data. The findings suggest that NEP has eliminated the effect of ethnic as a factor that differentiate opportunities to participate in white collar jobs. NEP further reduced the role of ethnic in determining the opportunities to participate in the manufacturing and business sectors. However, ethnicity remain important in differentiating the opportunities of becoming employesr as well as workers in the private sector. Additionally, economic growth tends to favor Chinese in terms of opportunities to work and being an employer in the business sector. However, it has reduced the opportunities for the Malay ethnic.. The results suggest that Chinese still have the advantage in reaping the benefits of economic growth. Although NEP has generally successful in reducing the role of ethnic in the opportunity to participate in selected sectors, differences in opportunity to participate in business sector remain. This, suggests that ethnic-based policy is still relevant in contemporary Malaysia. Policy interventions which increase the opportunity of the Malay community to involve in business sector and ensure that economic growth creates such opportunity are still required.

Keywords: New economic policy; inequality; Malaysia

JEL: O10, O20

Received 30 August 2022; Revised 27 March 2023; Accepted 20 April 2023; Available online 29 April 2023

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara bermasyarakat majmuk dengan sejarah yang unik. Pengurusan ekonomi semasa pemerintahan British menghasilkan pola kependudukan yang terpisah dari segi aktiviti ekonomi. Sektor ekonomi menjadi identiti utama etnik, menandakan berlakunya dominasi sektor ekonomi strategik oleh etnik tertentu. Penduduk peribumi, etnik Melayu lebih ramai tertumpu dalam sektor pertanian yang dianggap sebagai sektor ekonomi luar bandar, manakala etnik Cina dan India yang asalnya berhijrah ke Tanah Melayu, mendominasi sektor perniagaan dan perkilangan yang tertumpu di bandar. Penguasaan dalam sektor perniagaan dan perkilangan yang menjanjikan pendapatan yang lebih baik relatif kepada sektor ekonomi luar bandar mewujudkan jurang dalam pencapaian sosio-ekonomi lainnya seperti pendidikan dan peluang menceburi bidang profesional. Penduduk peribumi ketinggalan jauh dalam sektor ekonomi. Pengalaman ini unik kerana Malaysia merupakan antara sebilangan kecil negara di mana penduduk peribumi ketinggalan berbanding penduduk yang asalnya adalah imigran. Malaysia merupakan antara negara di mana kumpulan etnik (Melayu) yang menguasai politik, terpinggir daripada kemajuan sosial dan perkembangan ekonomi. Etnik Melayu ketinggalan dari segi pendidikan tinggi, pekerjaan profesional dan juga pemilikan dan kawalan aktiviti ekonomi (Lee et al. 2013). Sedekad selepas merdeka, perbezaan sosio-ekonomi antara etnik ini membangkitkan ketegangan antara kumpulan etnik dan memaksa kerajaan melaksanakan dasar ekonomi berasaskan etnik untuk menyelaraskan semula peluang ekonomi antara etnik dan menyusun semula penempatan bagi menghapuskan asosiasi yang kuat antara etnik dan stratifikasi geografi.

Atas kepentingan menyeimbangkan peluang ekonomi kepada semua, dasar ekonomi berasaskan etnik atau dikenali dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1970, dan kini telah melebihi separuh abad. Penguasaan yang sama rata dalam sektor-sektor ekonomi, khususnya sektor perniagaan adalah penting untuk memastikan kesetaraan suara dalam pembuatan polisi. Penguasaan sektor perniagaan akan memberikan kelebihan dari aspek kekayaan dan pemilikan perniagaan akan memberikan kawalan ke atas guna tenaga dan peluang-peluang ekonomi yang lain, seperti perkembangan industri sokongan. Kekayaan juga akan memberikan kuasa mempengaruhi polisi (Stiglitz 2012). Oleh sebab itu, adalah penting untuk memastikan wujudnya peluang yang sama rata untuk menyertai dan menguasai sektor perniagaan. Selain daripada itu, sektor perniagaan memberikan kelebihan dari aspek penguasaan kekayaan. Perbezaan peluang penglibatan dalam sektor ini akan cenderung mewujudkan jurang agihan kekayaan antara kumpulan etnik yang boleh mengganggu kesepaduan sosial, seterusnya menggugat pertumbuhan ekonomi. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, penguncupan jurang kekayaan antara etnik ternyata menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi (Ravallion 2019).

Isu tentang keberhasilannya dan keperluan dasar ini diteruskan masih diperdebatkan. Penyokong dasar ini memperjuangkan penerusan dasar atas alasan hak peribumi dan isu etnik Melayu yang masih terpinggir dalam sektor perniagaan dan peluang menceburi pekerjaan dalam sektor swasta; manakala yang menentang dasar ini melihat kepada masalah dalam mekanisme pelaksanaan dasar dan hubungan antara etnik. Bagaimanapun, isu ini masih kekurangan bukti empirik tentang kedudukan kaum peribumi dari segi penguasaan sektor ekonomi khususnya sektor strategik seperti perniagaan.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sama ada masih terdapat keperluan meneruskan polisi ekonomi berasaskan etnik dengan menilai peluang penglibatan dalam bidang sektor perniagaan bagi tiga kumpulan etnik utama di Malaysia. Kajian akan turut memfokuskan kepada kemungkinan kewujudan kesan akar umbi dalam sektor perniagaan sebagaimana cadangan Hirschman (1983). Kajian ini menyumbang kepada literatur dalam bidang ini dengan mengemukakan bukti empirik untuk menyokong kepada perdebatan sama ada dasar ekonomi berasaskan etnik masih relevan atau sebaliknya. Penggunaan kaedah empirik yang objektif adalah penting bagi isu sensitif yang melibatkan perbezaan etnik.

Makalah ini akan diteruskan dengan sorotan karya. Seterusnya metodologi kajian akan diperincikan, diikuti dengan dapatan kajian dan perbincangannya. Makalah akan disimpulkan dengan cadangan polisi dan cadangan kajian seterusnya.

SOROTAN KARYA

Dasar ekonomi berasaskan etnik merupakan dasar yang memperuntukkan keistimewaan ekonomi tertentu kepada etnik terpilih dengan rasional tertentu. Dalam konteks Malaysia, etnik Bumiputera yang merupakan penduduk peribumi terpinggir daripada pembangunan ekonomi disebabkan ketinggalan dalam sektor ekonomi strategik seperti perniagaan dan perkilangan. Ini berikutan segregasi penempatan yang mana etnik peribumi tinggal di luar bandar dan tertumpu kepada sektor pertanian. Oleh itu, Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970 bertujuan untuk menghapuskan pembahagian masyarakat Malaysia berdasarkan sektor ekonomi selain membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dasar ini merangkumi pelbagai langkah seperti tindakan afirmatif, program pembangunan ekonomi, dan program kebajikan sosial untuk menyokong Bumiputera (Melayu dan kumpulan peribumi lain) di Malaysia. Ia melibatkan tindakan afirmatif seperti kuota dan keutamaan dalam pendidikan, pekerjaan, dan pemilikan perniagaan untuk orang Melayu.

Pelaksanaan dasar ekonomi berasaskan etnik di Malaysia telah melalui pelbagai fasa. Ia bermula dengan peningkatan intervensi kerajaan dalam tahun 1970an yang antara lain dalam bentuk pendidikan tinggi, ekuiti perniagaan dan pembangunan keusahawanan dan pengurusan. Pengenalan seperti kuota kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam, kawalan ke atas

pengambilan pekerja perkhidmatan awam dan Akta Koordinasi Industri 1975 merupakan antara usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pendidikan tinggi, pekerjaan profesional dan bidang perkilangan dan perniagaan. Bagaimanapun campurtangan dalam sektor swasta berkenaan gunatena adalah relatif terhadap (Lee et al. 2013). Perkembangan semasa seperti krisis ekonomi pada pertengahan tahun 1980an dan keperluan kepada pelaburan selepas krisis kewangan 2008 telah menyebabkan liberalisasi kepada polisi ekonomi berasaskan etnik dari masa ke semasa. Antaranya adalah pindaan kepada Akta Koordinasi Industri pada tahun 1987 dengan melonggarkan keperluan kepada pelaburan Bumiputera dan memberikan pengecualian had guna tenaga Bumiputera untuk lesen perkilangan. Keperluan mendesak kepada pelaburan asing berikutan krisis ekonomi 2009 pula telah menyebabkan kerajaan menghapuskan keperluan ekuiti Bumiputera sebanyak 30% dalam sektor perkhidmatan tertentu seperti kesihatan, pelancongan dan pengangkutan (Lee et al. 2013).

Karya lepas yang relevan dengan kajian ini adalah yang menghujahkan kesesuaian dasar ekonomi berasaskan etnik di Malaysia. Berasaskan kepada perspektif terhadap keperluan dasar ini, kajian-kajian ini boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama, yang menunjukkan keperluan kepada dasar ekonomi berasaskan etnik; dan yang membahaskan masalah yang ditimbulkan oleh dasar-dasar sebegini.

Kajian Hirschman (1983) memberikan bukti empirik terhadap keperluan kepada dasar ekonomi berasaskan etnik di Malaysia. Kajian beliau mendapati peluang untuk menceburi sektor perkilangan dan perniagaan bagi etnik Melayu adalah jauh terlalu rendah berbanding etnik Cina dan India. Kesimpulan ini disokong dengan dapatan Ravallion (2020), yang mendapati pengagihan semula berasaskan etnik membantu mengurangkan kemiskinan, dan kesan ini sangat besar dalam tahun-tahun 1970an, menunjukkan pengenalan polisi ekonomi mengikut etnik adalah berasas. Bagaimanapun, faedah daripada polisi ini mengecil menerusi masa tetapi keanjalan kadar kemiskinan nasional kepada pengagihan semula berasaskan etnik kekal tinggi.

Banyak kajian-kajian lain turut bersetuju bahwa pengenalan DEB yang dilaksanakan pada ketika itu telah berjaya membantu pengagihan semula kekayaan dan mewujudkan ekonomi masyarakat yang lebih seimbang. DEB juga telah berjaya dalam mencapai objektif serampang dua mata yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula ketidakseimbangan ekonomi di kalangan kumpulan etnik utama di Malaysia (Safari 2019; Mokhtar et al. 2013). Khalid (2021) di dalam kajian ketidaksamaan pendapatan di Malaysia (untuk tempoh 1984-2014) merumuskan bahawa Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kumpulan berpendapatan rendah mengalami pertumbuhan pendapatan lebih tinggi berbanding golongan kaya. Dari sudut pertumbuhan pendapatan mengikut etnik pula, didapati kaum Cina Malaysia masih jauh lebih kaya daripada etnik Bumiputera atau India. Bagaimanapun, sepanjang dekad yang lalu, lebih ramai Bumiputera dan orang India menyertai kelas elit ini berbanding orang Cina di Malaysia.

Kajian selepas tahun 2000 kebanyakannya melihat kepada kejayaan polisi mengurangkan jurang pendapatan antara etnik dan kesan polisi ekonomi berasaskan etnik terhadap pertumbuhan ekonomi. Jomo (2004) mengakui dalam banyak hal, sasaran DEB telah tercapai. Bagaimanapun, beliau membangkitkan persoalan keupayaan dasar afirmatif di Malaysia mencapai kesatuan nasional dari aspek hubungan etnik yang semakin baik. Ini disandarkan kepada kaedah pelaksanaan dasar afirmatif di Malaysia yang mengasosiasikan kumpulan etnik dengan golongan elit masing-masing. Ini telah mewujudkan rasa tidak senang dan persaingan antara kumpulan etnik dan antara kelas. Dengan kata lain, wujud kesan sampingan yang mampu menjejaskan perpaduan nasional berikutan pelaksanaan DEB.

Secara spesifik, Jomo (2004) menyatakan polisi ini mewujudkan pengasingan fungsi antara etnik. Etnik Melayu bekerjasama dengan etnik lain sebagai pemilik bagi mendapatkan faedah di bawah polisi berasaskan etnik. Komponen utama perniagaan seperti modal dan pengurusan dilakukan oleh etnik Cina. Kerjasama ekonomi sebegini bukan merupakan kerjasama yang harmoni, sebaliknya didasari oleh keperluan mendapatkan peluang bagi beroperasi dalam pasaran. Ini menambahkan rasa tidak senang dan ketegangan antara etnik. Hipotesis ini mencadangkan penglibatan etnik Melayu dalam sektor perniagaan terhad kepada pemilikan bagi mendapatkan sewaan. Peratusan ekuiti sasaran mungkin tercapai tetapi ia masih menghadkan penyertaan dan penguasaan etnik Melayu dalam sektor perniagaan.

Situasi ini juga mencadangkan hipotesis Hirschman (1983) terhadap kemungkinan kewujudan kesan akar umbi (*entrenched position*) masih berlaku dalam sektor perniagaan, dan setakat ini polisi ekonomi berasaskan etnik masih kurang berjaya memecahkan dominasi etnik tertentu dalam sektor perniagaan. Kesan akar umbi memberikan kedudukan yang sangat dominan kepada etnik Cina dan India kerana mereka telah menguasai pemilikan dan pengurusan perniagaan. Ekoran daripada itu, wujud kesan lain seperti kesan hubungan keluarga dan “*networking*” yang menyukarkan etnik Melayu khususnya untuk memecahkan dominasi ini. Tambahan pula, polisi ekonomi berasaskan etnik kurang melibatkan sektor swasta, yang mendominasi pemilikan sektor perniagaan (Lee et al. 2013).

Osman dan Shahiri (2014) melihat kepada kesan DEB kepada ketidakseimbangan antara kaum di Malaysia dengan mengkaji ketidakseimbangan penyertaan buruh berdasarkan jantina bagi tiga kaum utama di Malaysia. Walaupun data pada tahun 1990 iaitu tahun terakhir DEB menunjukkan bahawa sasaran pencapaian DEP berdasarkan penyertaan tenaga buruh dalam sektor-sektor utama berdasarkan kaum adalah memuaskan, namun kajian yang lebih mendalam menunjukkan bahawa penglibatan bumiputera terutama sekali dalam sektor moden seperti sektor profesional majoritinya merupakan pekerja di peringkat bawahan. Analisis mereka memfokus kepada 3 sektor iaitu pertanian, profesional dan perniagaan dan perdagangan (komersil). Menggunakan kaedah Duncan Dissimilarity Index and Adjusted Duncan Dissimilarity Index, mereka mendapati bahawa

ketakseimbangan semakin ketara bagi kaum Melayu berbanding kaum lain semasa tahun terakhir DEB berbanding pada tahun ia mula dilaksanakan dan menyimpulkan bahawa ketidakseimbangan antara kaum semakin meningkat selepas DEB dilaksanakan. Walaubagaimanapun, Osman dan Shahiri tidak memperincikan bagaimanakah ketidakseimbangan antara jantina mengikut kaum diterjemahkan kepada ketidakseimbangan antara kaum.

Pada masa yang sama, ekonomi dengan agen ekonomi pelbagai etnik memerlukan kepada keseimbangan ekonomi antara etnik untuk membolehkan ekonomi berkembang dengan baik. Kewujudan golongan minoriti yang menguasai ekonomi mampu menggugat institusi dan polisi pembangunan, sekiranya golongan majoriti berpendapat sebahagian besar daripada faedah pembangunan ekonomi akan dinikmati hanya oleh golongan minoriti (Chua 2003). Berasaskan kepada dapatan ini, Ravallion (2020) mencadangkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia tidak akan bertahan sekiranya tanpa dasar pengagihan kekayaan. Dengan kata lain, dasar ekonomi berasaskan etnik seperti DEB masih relevan dalam konteks Malaysia.

Pelaksanaan DEB bagaimanapun tidak sunyi daripada kritikan terutamanya daripada ahli ekonomi yang mendokong idea pasaran bebas. Thillainathan dan Cheong (2016) mengutarakan hujah campur tangan kerajaan menerusi polisi ekonomi berasaskan etnik seperti memberikan keutamaan kepada etnik tertentu dari aspek pembiayaan industri kecil dan sederhana serta pengambilan pekerjaan, boleh mengakibatkan ketidakcekapan berikutan sumber diperuntukkan bukan berdasarkan prestasi. Kesan akhirnya boleh mengakibatkan ketidakcekapan dalam ekonomi seterusnya menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Kajian ini menghujahkan kemerosotan keadaan ekonomi hari ini sebagai antara impak polisi berasaskan kaum, yang menyebabkan pasaran tidak beroperasi dengan cekap. Selain itu, Lee (2021) menyatakan mekanisme dasar yang tidak jelas dan penekanan yang berlebihan terhadap pemilikan ekuiti Bumiputera mewujudkan kronisme (*patronage*), *rent-seeking* dan rasuah yang semakin berleluasa di Malaysia.

Thillainathan (2011) berpendapat liberalisasi pemilikan ekuiti melalui dasar penswastan telah berjaya meningkatkan ekonomi Malaysia dengan pesat. Namun, Krisis Kewangan Asia yang melanda negara pada 1998 membantutkan implikasi liberal ekonomi. Ketidakcekapan mekanisma pengurusan dalam mengawal ledakan pelaburan, gelembung pasaran aset (*asset bubble*), pertumbuhan kredit syarikat Bumiputera yang diswastakan memburukkan kesan ekonomi ini. Pendapat yang sama disokong oleh Ostwald (2022) yang merasakan RMK12 akan meluaskan kesan negatif dasar ini apabila ia mengekalkan banyak objektif yang sama seperti dasar-dasar sebelumnya, terutama sekali sasaran pemilikan ekuiti 30% bumiputera yang dipercayai tidak sejajar dengan realiti ekonomi semasa Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, pencapaian ekonomi ini membawa pergolakan kepada perpaduan nasional antara kaum di Malaysia. Kelemahan mekanisme pelaksanaan dan kepentingan politik perkauman adalah antara isu utama yang telah dikaitkan dalam perdebatan dasar ini. Sebahagian pengkaji menyatakan kebencian dan syak wasangka antara kaum telah menjadi lebih besar akibat pelaksanaan DEB. Malah kebencian dan cemburu di dalam kumpulan etnik yang sama turut berlaku kerana kewujudan golongan elit masing-masing yang menikmati keseluruhan keistimewaan melalui kronisme. Maka, pendekatan alternatif perlu dilaksanakan untuk mewujudkan hubungan yang lebih baik di kalangan pelbagai kumpulan etnik dalam jangka masa panjang (Jomo 2004; Gomez 1999). Isu naungan (*patronage*), *rent-seeking* dan rasuah yang berleluasa di kalangan ahli politik termasuk penjawat awam memburukkan lagi imej DEB yang dipercayai telah mewujudkan lebih ramai golongan pertengahan dan elit suatu kaum.

Isu ketidakseimbangan antara kaum turut dirasai di kebanyakan negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Di Amerika Syarikat contohnya, terdapat pelbagai program dan inisiatif kemiskinan yang bertujuan untuk menangani kemiskinan dan menggalakkan keseimbangan antara etnik, terutamanya untuk kumpulan terpinggir dari segi sejarah seperti orang Amerika Afrika, Amerika Latin dan Orang Asli Amerika (Meyer et al. 2019). Di Amerika Syarikat, ketidakseimbangan kaum merujuk kepada jurang perwakilan kaum atau pengasingan dalam pelbagai bidang masyarakat, termasuk sekolah, kawasan kejiranan, tempat kerja dan perwakilan politik. Banyak usaha yang dilaksanakan seperti *Temporary Assistance for Needy Families* (TANF), *Head Start*, *Medicare*, *Medicaid*, *Food Stamp* dan lain-lain. Usaha-usaha ini telah membantu membasmi kemiskinan dan mengurangkan kepada jurang dalam akses kepada sumber dan peluang, seperti sekolah berkualiti, perumahan yang baik, penjagaan kesihatan dan pekerjaan yang setara (Bengtson 2022).

Di United Kingdom (UK), terdapat pelbagai program dan inisiatif yang bertujuan untuk menangani kemiskinan dan menggalakkan pengimbangan etnik, khususnya bagi kumpulan etnik minoriti seperti komuniti berkulit hitam, Asia dan etnik minoriti (*Black, Asian, and Minority Ethnic, BAME*). Salah satu program kemiskinan yang paling ketara di UK ialah sistem kebajikan kerajaan, yang menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga dan individu berpendapatan rendah. Ini termasuk program seperti *Universal Credit*, yang menyediakan sokongan kewangan kepada mereka yang berpendapatan rendah, dan faedah perumahan, yang membantu mereka yang berpendapatan rendah dengan kos perumahan. Program yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan, seperti Program Bimbingan Kebangsaan disediakan untuk sokongan akademik kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Program ini yang menyediakan pembiayaan untuk perantisan untuk membantu orang ramai mendapat latihan berasaskan kerja dan kemahiran (Laboris 2020).

Durie dan o te Tau (2005) pula membincangkan rasional pengekal dasar berasaskan etnik di New Zealand berbanding dasar berasaskan keperluan (*needs-based*) atau status sosioekonomi kerana status sosioekonomi tidak menggambarkan keperluan etnik. Contohnya, Durie dan o te Tau mendapati bahawa pencapaian akademik kanak-kanak Maori, penduduk asal

New Zealand, tidak dapat dijelaskan sepenuhnya oleh perbezaan dalam pendapatan dan kelas sosial. Faktor etnik masih lagi memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian mereka kerana etnik berkait rapat dengan pandangan sarwajagat (*world views*), budaya dan gaya hidup.

Keseluruhannya, perdebatan sama ada DEB wajar diteruskan dalam konteks Malaysia kontemporari masih berlanjutan. Selain kajian Hirschman (1983) dan Ravallion (2020), persoalan ini kekurangan bukti saintifik bagi menyokong hujah yang diketengahkan. Kajian Hirschman dilakukan menggunakan data 1970 dan perlu dikemas kini, manakala kajian Ravallion (2020) melihat kepada kesan dasar berasaskan etnik secara makro. Oleh itu, kajian ini akan memenuhi jurang tersebut dengan mengemukakan bukti empirik tentang peluang penglibatan tiga etnik utama di Malaysia dalam sektor ekonomi strategik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memilih pendekatan empirik bagi mendapatkan cadangan yang bersifat objektif. Ini penting diberikan persoalan yang dikaji adalah berasaskan etnik. Oleh itu, ia lebih sensitif dan lebih cenderung untuk mengandungi bias. Penggunaan data empirik membolehkan persoalan kajian dicerakinkan secara objektif kerana ia bebas daripada sebarang pertimbangan nilai individu yang terdiri daripada mana-mana kumpulan etnik.

Penganggaran kesan etnik ke atas peluang menyertai sektor ekonomi terpilih adalah mengikut model yang dicadangkan oleh Hirschman (1983). Model ini dibangunkan berasaskan kepada kerangka teori yang melihat kepada peluang penyertaan dalam sektor ekonomi. Selain faktor sosioekonomi dan diskriminasi, Hirschman memasukkan faktor struktur pasaran buruh sebagai penentu peluang penyertaan dalam sektor ekonomi. Ia berasaskan kepada hipotesis kesan bandar yang menyatakan saiz dan struktur setempat mempengaruhi stratifikasi sosial. Peluang untuk menceburi sesuatu sektor ekonomi seharusnya meningkat dengan saiz bandar dan perkembangan ekonomi, dalam keadaan tiada dominasi oleh golongan tertentu. Dalam model ini, pembolehubah sasaran adalah kumpulan etnik dan struktur pasaran buruh.

Kajian ini menganggarkan peluang menggunakan dua model. Pertama, melihat kesan faktor etnik ke atas peluang kemasukan ke sektor ekonomi terpilih, iaitu pekerjaan kolar putih, perkilangan dan perniagaan. Pemilihan ini adalah mengikut sektor yang dipilih oleh Hirschman (1983) disebabkan terdapat perbezaan etnik yang ketara pada ketika itu. Selain daripada bertujuan untuk melihat perbandingan, pemilihan sektor perniagaan dikekalkan disebabkan eksplorasi data menunjukkan masih wujud jurang yang ketara dari aspek komposisi penyertaan dalam sektor perniagaan mengikut kumpulan etnik. Komposisi etnik turut menunjukkan perbezaan ketara dalam aspek pekerja sektor swasta dan status majikan. Ketersediaan data status gunatnaga membolehkan kajian ini mengkaji pola yang berbeza antara etnik berdasarkan kepada status gunatnaga. Keseluruhannya, kajian ini melihat kesan etnik ke atas peluang menceburi lima sektor ini.

Kedua, kajian ini akan menganggarkan kesan latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh untuk setiap kumpulan etnik. Tujuan penganggaran ini adalah untuk melihat adakah faktor latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh memberi kesan yang sama ke atas penyertaan dalam lima sektor terpilih, untuk setiap etnik. Dapatan ini dapat menunjukkan bagaimana latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh mempengaruhi peluang individu dalam setiap kumpulan etnik dalam menyertai sektor ekonomi terpilih.

Untuk struktur pasaran buruh, pada konsepnya, saiz sesebuah bandar atau pekan (luar bandar) mewakili jumlah dan jenis-jenis peluang ekonomi. Oleh itu, pembolehubah saiz bandar dan pekan kecil (luar bandar) digunakan bagi mengukur peluang ekonomi yang wujud untuk individu menyertai sektor ekonomi terpilih. Tinggal di dalam bandar yang lebih besar memberikan peluang ekonomi yang lebih tinggi. Demikian juga dengan individu yang di luar bandar, mereka yang tinggal hampir dengan pekan yang lebih besar dihipotesiskan sebagai mempunyai peluang yang lebih besar untuk menyertai sektor ekonomi terpilih.

Model penganggaran ini turut memasukkan struktur ekonomi setempat untuk mengukur peluang ekonomi. Peratusan penduduk setempat yang terlibat dalam industri terpilih digunakan sebagai pengukur struktur ekonomi. Lapan sektor ekonomi yang paling banyak diceburi oleh penduduk Malaysia menjadi asas pemilihan sektor ekonomi yang dikaji. Pembolehubah ini melihat setakat mana perkembangan sesuatu sektor setempat, menjana peluang penyertaan dalam sektor terpilih. Perkembangan sesuatu sektor biasanya akan menjana lebih banyak pekerjaan dalam sektor lain sekiranya sektor tersebut merupakan sektor pelengkap. Sebaliknya, perkembangan sesebuah sektor ekonomi juga berkemungkinan mengurangkan peluang penyertaan sektor lain apabila ia memberikan persaingan dari segi pendapatan atau ganjaran yang lebih menarik.

Kedua-dua pembolehubah struktur pasaran buruh membolehkan kesan peluang dalam struktur pasaran buruh ke atas kumpulan etnik, dikenalpasti. Secara khususnya, hasil regresi untuk model penganggaran mengikut kumpulan etnik akan menunjukkan sama ada peluang penyertaan dalam sektor ekonomi terpilih adalah berbeza untuk etnik Melayu, Cina dan India.

PERINCIAN DATA

Penggunaan data banci yang berasaskan kepada rangka persampelan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) dapat memastikan pemerhatian yang digunakan dapat mewakili penduduk Malaysia secara keseluruhannya, mengikut wajaran yang sesuai. Selain itu, penggunaan data banci memberikan jumlah pemerhatian yang lebih tinggi, mengurangkan bias penganggaran. Kajian ini

menggunakan data banci terkini yang tersedia untuk kegunaan penyelidikan, iaitu data banci kebangsaan 2010. Unit analisis adalah ketua isi rumah yang dibanci.

Fokus kajian ini adalah untuk melihat kepada kesan etnik ke atas peluang menceburi sektor ekonomi terpilih. Oleh itu, pemerhatian yang diambil kira adalah mereka yang bekerja dan berumur antara 18 sehingga 64 tahun. Jumlah sampel adalah 197, 475. Daripada jumlah tersebut, 47% adalah daripada etnik Melayu, 25% etnik Cina dan 6.9% etnik India. Selebihnya adalah kumpulan etnik minoriti yang lain.

Kajian ini membuat sedikit penyesuaian berkenaan penggunaan data, berbanding data yang digunakan dalam kajian Hirschman (1983). Ini sama ada untuk mengambilkira keadaan semasa ataupun disebabkan perubahan pengukuran dalam data banci. Penyesuaian yang dibuat adalah seperti bandar dalam kajian ini merujuk kepada bandar dengan penduduk melebihi 10,000 penduduk, berbeza dengan 5,000 sebelumnya. Pemilihan industri utama yang diceburi penduduk dikira semula berasaskan kepada data semasa. Kajian Hirschman mengambil Lower Certificate of Education (LCE) sebagai kelas tertinggi dalam tahap pendidikan isi rumah, tetapi kajian ini mengambil pendidikan tertiar sebagai kelas tertinggi. Definisi sektor ekonomi juga adalah mengikut definisi Banci 2010. Misalnya, untuk sektor perniagaan, definisi yang digunakan adalah meliputi tiga bahagian yang berasingan, iaitu Jualan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motorsikal Perniagaan Jual Borong dan Perniagaan Berkomisen, Kecuali Kenderaan Bermotor dan Motorsikal dan Perniagaan Jual Runcit Kecuali Kenderaan Bermotor dan Motorsikal, Pembaikan Barangan Persendirian dan Isi Rumah (Malaysian Standard Industrial Classification 2000). Selain itu, kajian ini turut memasukkan data penduduk Sabah dan Sarawak manakala kajian Hirschman hanya mengambil kira penduduk di Semenanjung Malaysia. Pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini diperincikan dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Deskripsi pembolehubah

Pemboleh Ubah	Deskripsi
<i>Latar belakang sosial</i>	
Etnik	1* = Melayu 2 = Cina 3 = India Nota: Etnik lain dimasukkan dalam penganggaran, tetapi dapatan tidak dilaporkan.
Umur	1* = 18 – 34 tahun 2 = 35 – 44 tahun 3 = 45 – 64 tahun
Wilayah Kelahiran	1* = Pantai Barat (Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Johor) 2 = Pantai Timur (Pahang, Trengganu, Kelantan) 3 = Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak) 4 = Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan 5 = Luar negara
Status Migrasi	1* = tidak pernah berpindah 2 = pernah berpindah antara negeri 3 = pernah berpindah antara daerah
Tahap Pendidikan Tertinggi	1* = Tiada pendidikan formal 2 = Pendidikan rendah 3 = Pendidikan menengah 4 = Pendidikan tinggi
<i>Struktur Pasaran Buruh</i>	
Stratifikasi Geografi	1* = bandar 2 = luar bandar
Saiz Bandar	Saiz penduduk bandar untuk penduduk bandar, 0 untuk penduduk pekan (luar bandar)
Saiz Pekan	Saiz penduduk pekan (luar bandar), 0 untuk penduduk bandar
Komposisi industri setempat	Peratusan penduduk setempat yang terlibat dalam sektor ekonomi terpilih. Tempat adalah berdasarkan bandar/pekan kediaman. 8 sektor ekonomi adalah pertanian, perkilangan, pembinaan, perniagaan runcit dan borong serta pembaikan automotif, pengangkutan dan penyimpanan, penginapan dan perkhidmatan makanan dan minuman, sektor awam pendidikan.

Nota: *Kategori rujukan

TEKNIK PENGANGGARAN REGRESI

Regresi logistik digunakan untuk menganggarkan peluang menceburi sektor ekonomi terpilih. Set yang pertama menganggarkan kebarangkalian menceburi sektor ekonomi terpilih terhadap kumpulan etnik, latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh. Manakala set yang kedua menggunakan pembolehubah yang sama, kecuali kumpulan etnik kerana penganggaran dilakukan mengikut kumpulan etnik.

Setiap pembolehubah bersandar bernilai 1 untuk pekerja dalam sektor terpilih dan 0 sebaliknya (misalnya 1 untuk pekerja kolar putih, 0 untuk yang lain). Penganggaran ini akan memberikan nilai sejauh mana sesuatu faktor meningkatkan atau mengurangkan peluang menceburi sesuatu sektor, berbanding dengan kategori rujukan.

Penganggaran dilakukan secara berperingkat (untuk set pertama) bagi membolehkan kesan etnik, latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh dilihat secara berasingan. Penganggaran untuk semua pembolehubah bersandar dimulakan dengan melihat kesan etnik sahaja; kesan etnik dan latar belakang sosial, kesan strata bandar-luar bandar, kesan saiz pasaran dan kesan komposisi industri setempat.

DAPATAN KAJIAN

INTROSPEKSI DATA AWAL

Introspeksi awal data yang diringkaskan dalam Jadual 2. Perbandingan penglibatan dalam satu-satu sektor ekonomi mengikut etnik menunjukkan etnik Melayu paling ramai terlibat dalam sektor pertanian, berbanding etnik Cina dan India. Kumpulan etnik Melayu masih ketinggalan dari sudut peratusan penglibatan dalam sektor seperti perkilangan, perdagangan dan pembinaan. Etnik Cina menguasai perdagangan dengan setiap 2 daripada 10 etnik Cina terlibat dalam sektor perdagangan. Kebanyakan etnik India terlibat dalam sektor perkilangan. Satu pola yang menonjol adalah penumpuan etnik Melayu dalam sektor perkhidmatan awam berbanding kumpulan etnik yang lain.

JADUAL 2. Penyertaan sektor ekonomi mengikut kumpulan etnik (%)

Sektor Ekonomi	Melayu	Cina	India	Jumlah
Pertanian	11.0	6.6	5.8	13.3
Perkilangan	17.1	19.8	22.7	17.8
Pembinaan	8.6	10.8	8.4	9.3
Perdagangan	13.8	24.2	16.5	16.7
Pengangkutan	4.7	4.9	7.7	4.8
Penginapan dan Makanan	7.9	8.1	6.2	7.3
Pentadbiran Awam	10.9	2.1	4.0	6.8
Pendidikan	9.1	4.4	6.2	6.6

Pola ini mencadangkan selepas 40 tahun DEB diperkenalkan, walaupun identiti etnik berasaskan sektor ekonomi tidak seperti pada tahun 1970an, penglibatan etnik dalam sektor ekonomi masih tidak seimbang. Etnik Melayu masih bertumpu dalam sektor pertanian, kebanyakan etnik Cina dalam sektor perdagangan manakala etnik India ramai terlibat dalam sektor perkilangan. Perbandingan penglibatan satu-satu etnik dalam pelbagai sektor ekonomi pula mendapati bahawa penglibatan etnik Melayu lebih seimbang dalam pelbagai sektor manakala sebahagian besar kumpulan etnik Cina tertumpu dalam sektor perdagangan dan perkilangan sahaja. Hampir separuh daripada etnik Cina terlibat dalam kedua sektor ini. Pola yang sama diperhatikan untuk kumpulan etnik India, bagaimanapun taburan penyertaan etnik India dalam pelbagai sektor ekonomi lebih merata berbanding kumpulan etnik Cina.

JADUAL 3. Status guna tenaga mengikut kumpulan etnik (%)

Status Gunatenaga	Melayu	Cina	India	Jumlah
Majikan	3.4	6.1	4.3	4.5
Pekerja Sektor Awam	25.6	5.3	10.8	16.4
Pekerja Sektor Swasta	50.0	68.6	74.1	58.8
Bekerja Sendiri	19.7	18.6	10.3	18.6
Bekerja dengan Keluarga tanpa Dibayar	1.3	1.4	0.5	1.7

Jadual 3 menunjukkan status gunatenaga mengikut kumpulan etnik. Secara sektor swasta merupakan sektor yang paling banyak menyerap guna tenaga bagi semua etnik. Namun begitu, perbezaan yang ketara dapat dilihat untuk sektor kedua terpenting bagi ketiga-tiga etnik tersebut di mana etnik Melayu lebih bergantung kepada sektor awam, manakala bekerja sendiri merupakan sektor kedua terpenting bagi etnik Cina dan India. Namun begitu peratus perbezaan mereka yang bekerja sendiri di antara etnik Melayu dan Cina tidak begitu ketara.

Perbandingan berdasarkan satu-satu etnik menunjukkan bahawa etnik Cina dan India lebih ramai bekerja dalam sektor swasta berbanding sektor lain. Ini mungkin disebabkan kekurangan peluang dalam sektor awam atau pilihan individu sendiri untuk terlibat dalam sektor swasta. Dari sudut yang terlibat sebagai majikan pula, etnik Cina dan India lebih ramai berstatus majikan berbanding etnik Melayu.

DAPATAN REGRESI

Jadual 4 (lampiran A) menunjukkan hasil regresi kesan etnik ke atas peluang menceburi kelima-lima sektor terpilih. Kolum pertama untuk setiap sektor/status gunatenaga menunjukkan kesan pembolehubah etnik, kolum kedua kesan apabila faktor latarbelakang sosial diambilkira, kolum ketiga menunjukkan dapatan regresi apabila faktor stratifikasi bandar-luar bandar dimasukkan, kolum keempat mempamerkan regresi dengan faktor saiz pasaran seterusnya kolum kelima menunjukkan keputusan dengan mengambilkira komposisi industri setempat.

PEKERJAAN KOLAR PUTIH

Keputusan model logistik yang menganggarkan penyertaan dalam pekerjaan kolar putih (professional, pentadbiran dan perkeranian) ditunjukkan dalam Jadual 4. Etnik Cina mempunyai 1.2 kali ganda peluang untuk bekerja dalam pekerjaan kolar putih berbanding etnik Melayu manakala untuk etnik India, tidak ada perbezaan dari segi peluang berbanding etnik Melayu. Kolum kedua menunjukkan kesan etnik untuk kaum Cina tidak lagi menjadi faktor yang membezakan peluang, apabila latar belakang individu diambilkira. Pertimbangan kepada semua faktor menunjukkan pendidikan merupakan sebab utama yang menentukan penyertaan dalam pekerjaan kolar putih. Kesan pendidikan tertiar sangat kuat, dengan mereka yang berpendidikan tinggi mempunyai peluang 24 kali ganda untuk menyertai pekerjaan kolar putih, berbanding mereka yang tiada pendidikan. Kesan pendidikan ini kekal signifikan dan besar walaupun setelah dimasukkan faktor pasaran buruh.

Apabila struktur pasaran buruh diambil kira, dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan peluang antara etnik Melayu dan Cina tetapi etnik Melayu mempunyai peluang hampir sekali ganda untuk menyertai pekerjaan kolar putih berbanding kaum India. Kedudukan geografi luar bandar juga merupakan halangan yang kecil dalam menyertai sektor pekerjaan kolar putih. Saiz bandar dan pekan tempat kediaman individu meningkatkan peluang penyertaan dalam pekerjaan kolar putih sebanyak satu peratus untuk setiap tambahan 1,000 orang penduduk. Perkembangan sektor perkilangan dan pembinaan di bandar meningkatkan ruang untuk penglibatan dalam pekerjaan kolar putih.

Kajian ini turut melakukan penganggaran model yang sama, menggunakan definisi pekerjaan kolar putih yang berbeza dengan Hirshman (1983), dengan menghadkannya hanya kepada pengurus dan tenaga professional. Dapatan kajian menunjukkan sedikit perbezaan dengan dapatan sebelumnya. Tanpa mengambilkira faktor kawalan yang lain, etnik Cina mempunyai kelebihan 1.2 kali ganda berbanding Melayu untuk terlibat dalam pekerjaan kolar putih. Kesan ini kekal sama setelah faktor latar belakang sosial diambilkira. Bagaimanapun, pertimbangan struktur pasaran buruh menghilangkan kesan ini. Tidak ada perbezaan dari segi peluang kepada etnik Melayu dan Cina untuk menyertai pekerjaan kolar putih apabila interaksi etnik, latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh diambil kira. Manakala untuk etnik India, dapatan mencadangkan secara konsisten wujud kelebihan etnik Melayu berbanding etnik India dari segi peluang menyertai pekerjaan kolar putih.

SEKTOR PERKILANGAN

Hasil regresi untuk sektor perkilangan menunjukkan pola yang berbeza dengan pekerjaan kolar putih. Kumpulan etnik secara konsisten membezakan peluang penyertaan dalam sektor perkilangan. Kesan kumpulan etnik kekal walaupun setelah mengambilkira interaksi latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh. Secara umumnya, etnik Cina dan India mempunyai peluang 1.2 kali ganda berbanding etnik Melayu untuk bekerja dalam sektor perkilangan.

Dari segi struktur pasaran buruh, penduduk yang tinggal di bandar mempunyai kelebihan dari segi peluang untuk menyertai sektor perkilangan. Pendidikan menengah meningkatkan peluang untuk bekerja dalam sektor perkilangan, bagaimanapun kesan ini tidak lagi signifikan apabila komposisi industri diambil kira. Struktur pasaran buruh mempengaruhi peluang untuk bekerja dalam sektor perkilangan dengan kelebihan memihak kepada penduduk bandar, dan mereka yang tinggal di bandar yang lebih besar. Bagaimanapun, komposisi industri setempat menghilangkan kesan geografi bandar dan pekan kecil.

Hasil regresi mencadangkan peluang untuk bekerja di sektor perkilangan hanya bergantung kepada perkembangan sektor perkilangan dan pendidikan setempat, dan sektor perniagaan membantu dalam kes pekan kecil. Perkembangan sektor lain tidak mempengaruhi peluang untuk bekerja di sektor perkilangan. Kesan perkembangan industri setempat ke atas peluang untuk bekerja dalam sektor perkilangan adalah agak terhad. Dapatan ini berbeza dengan dapatan Hirshman yang menunjukkan 40 tahun yang lalu, kewujudan kepelbagaian industri di pekan meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan. Ini mungkin disebabkan oleh penggunaan kaedah intensif modal yang lebih meluas, selain pergantungan yang semakin tinggi kepada pekerja asing.

SEKTOR PERNIAGAAN

Secara keseluruhan, dapatan ini mencadangkan kumpulan etnik yang berbeza masih mempunyai peluang yang berbeza dalam menceburi bidang perniagaan. Regresi dalam kolom pertama menunjukkan kumpulan etnik Cina berpeluang lebih 2 kali ganda daripada etnik Melayu, manakala etnik India lebih sekali ganda. Interaksi latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh juga tidak menghilangkan kesan perbezaan peluang yang disebabkan oleh etnik.

Apa yang menarik daripada dapatan ini adalah apabila pembolehubah komposisi industri dimasukkan ke dalam model. Perkembangan industri setempat yang lain kesemuanya mengurangkan kemungkinan untuk menyertai sektor perniagaan. Dengan kata lain, wujud kesan persaingan yang tinggi untuk penyertaan dalam sektor perniagaan, dengan industri-industri lain. Individu hanya akan menyertai sektor perniagaan apabila kurang peluang dalam industri setempat yang lain. Penemuan ini juga konsisten dengan set regresi yang melihat kepada penentuan penyertaan dalam sektor terpilih mengikut kumpulan etnik.

Faktor bandar-luar bandar bukan lagi faktor yang membezakan penyertaan dalam sektor-sektor terpilih. Dapatan ini berbeza dengan dapatan Hirschman (1983) yang mendapati penduduk bandar pada tahun 1970 mempunyai peluang sebanyak 12 kali ganda berbanding penduduk luar bandar untuk menyertai sektor perniagaan. Struktur ekonomi pada ketika itu adalah jauh berbeza dengan sektor perniagaan merupakan sektor ekonomi utama di bandar-bandar besar.

STATUS GUNATENAGA: BERSTATUS MAJIKAN

Dapatan untuk kemungkinan berstatus sebagai majikan menunjukkan pola yang hampir sama dengan sektor perniagaan. Kumpulan etnik mempunyai kesan kasar yang menyebelahi kumpulan etnik Cina dan India berbanding Melayu dalam kemungkinan untuk menjadi majikan. Kesan ini kekal, malahan kekuatannya meningkat apabila interaksi antara struktur pasaran buruh, latar belakang sosial dan kumpulan etnik diambilkira. Mereka yang tinggal di bandar tidak mempunyai kelebihan dari segi menjadi majikan berbanding mereka yang tinggal di luar bandar tetapi mereka yang tinggal di bandar yang lebih besar mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk menjadi majikan. Kebarangkalian untuk menjadi majikan juga lebih rendah bagi mereka yang tinggal di bandar di mana sektor perkilangan, penginapan dan pendidikan berkembang pesat. Sebaliknya, di pekan kecil, perkembangan sektor pengangkutan mengurangkan kebarangkalian individu yang tinggal di situ untuk menjadi majikan.

STATUS GUNATENAGA: BEKERJA DI SEKTOR SWASTA

Statistik awal menunjukkan terdapat jurang yang agak besar dari status guna tenaga bekerja di sektor swasta, mengikut kumpulan etnik. Hasil regresi menyokong pemerhatian ini apabila faktor etnik kekal konsisten menunjukkan wujud peluang yang berbeza antara etnik Cina dan India, berbanding etnik Melayu untuk bekerja di sektor swasta. Kelebihan memihak kepada etnik Cina dan India.

Saiz bandar dan pekan kediaman meningkatkan peluang untuk bekerja di sektor swasta. Ini disebabkan kebiasaannya, sektor swasta lebih banyak beroperasi di kawasan yang mempunyai saiz pasaran yang relatif besar. Dari segi perkembangan ekonomi setempat, perkembangan pertanian mengurangkan peluang untuk bekerja dalam sektor swasta, sebaliknya sektor perkilangan membuka lebih banyak peluang. Perkembangan sektor perkhidmatan lain iaitu pengangkutan dan hotel dan

restoran turut meningkatkan peluang bekerja di sektor swasta bagi penduduk bandar. Kesan yang hampir sama berlaku bagi penduduk di pekan kecil.

KESAN KARAKTERISTIK INDIVIDU DAN STRUKTUR PASARAN BURUH KE ATAS PEKERJAAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

Penganggaran regresi ini dilakukan untuk menjawab persoalan adakah penentu kepada peluang untuk menyertai jenis pekerjaan terpilih (dalam kajian ini pekerjaan kolar putih, sektor perkilangan, sektor perniagaan, berstatus majikan dan pekerja sektor swasta), adalah sama atau berbeza untuk setiap kumpulan etnik. Dengan kata lain, adakah latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh memberikan kesan yang berbeza kepada setiap kumpulan etnik? Hasil regresi diringkaskan dalam Jadual 5 (lampiran B).

Penentu kepada penyertaan dalam sektor pekerjaan kolar putih menunjukkan kesan yang agak sama antara ketiga-tiga kumpulan etnik khususnya pendidikan. Lulusan sekolah menengah dan tertiar meningkatkan kebarangkalian untuk menyertai pekerjaan kolar putih untuk ketiga-tiga kumpulan etnik. Etnik Melayu mempunyai peluang yang sangat besar untuk menyertai pekerjaan kolar putih sekiranya memiliki pendidikan tertiar, iaitu sebanyak 34 kali ganda, manakala etnik Cina, 15 kali ganda dan 18 kali ganda bagi etnik India, relatif kepada mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal.

Melayu dan Cina luar bandar mempunyai peluang yang lebih rendah tetapi kesan stratifikasi geografi tidak relevan untuk etnik India. Tinggal di bandar yang besar meningkatkan peluang untuk etnik Melayu dan India, tetapi ianya tidak memberi kesan kepada etnik Cina. Dari segi struktur pasaran buruh setempat, perkembangan sektor pembinaan dan pengangkutan meningkatkan peluang penyertaan dalam pekerjaan kolar putih kepada ketiga-tiga kumpulan etnik bandar pada kadar yang lebih kurang sama. Perkembangan sektor penginapan dan perkhidmatan makanan mengurangkan peluang penyertaan dalam sektor pekerjaan kolar putih kepada penduduk bandar. Untuk penduduk pekan kecil, struktur ekonomi setempat tidak memberikan kesan kepada penglibatan pekerjaan kolar putih bagi etnik India. Bagi etnik Melayu dan Cina di pekan kecil, perkembangan sektor perkilangan setempat meningkatkan peluang penyertaan dalam pekerjaan kolar putih. Perkembangan sektor pembinaan mengurangkan peluang penyertaan untuk etnik Melayu tetapi sektor yang sama dan sektor hotel dan restoran memberikan kelebihan kepada etnik Cina.

Penentu kepada penyertaan dalam sektor perkilangan menunjukkan pola yang berbeza dengan sektor kolar putih. Pendidikan tidak lagi merupakan penentu utama dan hubungkait pendidikan dengan penyertaan dalam sektor perkilangan juga berbeza untuk setiap kumpulan etnik. Bagi etnik Melayu, mereka yang berpendidikan menengah mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk bekerja di sektor perkilangan. Hanya pendidikan tertiar yang relevan untuk etnik Cina tetapi ia mengurangkan penyertaan dalam sektor ini. Bagi etnik India pula, sektor perkilangan menjadi pilihan bagi mereka yang berpendidikan rendah.

Melihat kepada struktur pasaran buruh, etnik Cina di bandar mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk menyertai sektor perkilangan, manakala tinggal di bandar tidak meningkatkan peluang kepada etnik Melayu dan India. Dalam kajian Hirshman (1983), beliau melaporkan keputusan yang sama dan menyifatkan pembolehubah ini lebih kepada pembolehubah sebab akibat. Ini bererti tinggal di bandar besar membuka peluang yang lebih besar kepada pekerjaan di sektor perkilangan bagi etnik Cina.

Perkembangan sektor perkilangan memberikan kesan positif kepada ketiga-tiga kumpulan etnik, dengan kadar yang lebih kurang sama. Bagi etnik Melayu bandar, perkembangan sektor pertanian turut memberi impak positif kepada penyertaan dalam sektor perkilangan. Kebarangkalian untuk menyertai sektor perkilangan bagi etnik Cina bandar dipengaruhi oleh perkembangan sektor pembinaan tetapi peluang ini berkurangan dengan perkembangan sektor perkhidmatan lain seperti pengangkutan, hotel dan restoran. Pembangunan sektor ekonomi setempat lebih banyak memberikan peningkatan kepada kemungkinan menyertai sektor perkilangan bagi kaum India, misalnya sektor pertanian, pengangkutan dan pendidikan di bandar; dan pembinaan di pekan kecil.

Kajian ke atas penglibatan dalam sektor perniagaan menunjukkan pola yang sangat berbeza antara etnik. Satu-satunya faktor latar belakang sosial yang relevan untuk semua kumpulan etnik adalah lahir di luar negara. Individu yang lahir di luar negara mempunyai kemungkinan untuk menceburi bidang perniagaan sekali ganda lebih daripada mereka yang lahir di Pantai Barat Semenanjung. Faktor usia yang lebih lanjut menghalang penyertaan etnik Melayu tetapi umur tidak relevan untuk dua etnik yang lain. Ini mencadangkan dalam etnik Melayu, peluang untuk menyertai bidang perniagaan adalah lebih tinggi untuk golongan muda, mungkin menunjukkan industri ini baru mendapat tempat di kalangan etnik Melayu. Mereka yang berasal daripada Pantai Timur dan Utara Semenanjung mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk menceburi bidang perniagaan manakala faedah ini dikongsi oleh etnik India daripada Sabah Sarawak. Pendidikan tidak relevan untuk etnik Melayu dan India tetapi bagi etnik Cina, mereka yang berpendidikan menengah mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berniaga. Etnik Cina yang tinggal di bandar yang lebih besar dari segi saiz penduduknya mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berniaga. Ini mencadangkan etnik Cina mempunyai kelebihan dari aspek menjana peluang perniagaan daripada saiz

pasaran yang ada. Sebaliknya, keluasan pasaran menjana peluang pekerjaan lebih tinggi dalam sektor perniagaan untuk etnik Melayu di pekan kecil.

Komposisi sektor ekonomi setempat mempunyai pengaruh asakan keluar ke atas penglibatan etnik Melayu dalam sektor perniagaan. Perkembangan sektor-sektor lain akan mengurangkan penglibatan etnik Melayu dalam sektor perniagaan. Dapatan ini mencadangkan sektor perniagaan merupakan sektor pilihan kedua kepada etnik Melayu. Perkembangan sektor penginapan dan makanan menjana peluang tambahan dalam sektor perniagaan untuk etnik Cina dan India bandar; manakala etnik Cina di pekan kecil mendapat peluang yang lebih tinggi untuk berkecimpung dalam sektor perniagaan dengan perkembangan sektor perniagaan dan pendidikan di luar bandar.

Kebarangkalian untuk menjadi majikan tidak dipengaruhi oleh latar belakang sosial untuk etnik Melayu dan India. Sebaliknya, untuk etnik Cina, mereka yang lebih berusia mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk menjadi majikan. Lulusan sekolah menengah di kalangan etnik Cina juga mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk menggajikan pekerja. Lokasi bandar-luar bandar tidak membezakan peluang untuk menjadi majikan bagi ketiga-tiga kumpulan etnik. Tinggal di bandar yang lebih besar meningkatkan peluang menjadi majikan untuk etnik Cina dan India.

Untuk etnik Cina bandar, perkembangan sektor perniagaan meningkatkan peluang untuk menjadi majikan dengan ketara. Kesan ini tidak wujud untuk etnik India dan Melayu. Di pekan kecil, perkembangan sektor pertanian meningkatkan kebarangkalian untuk menjadi majikan bagi etnik India dan Cina tetapi kesan yang sama wujud untuk etnik Melayu menerusi perkembangan sektor pembinaan di luar bandar.

Penentu kepada penyertaan dalam sektor swasta adalah sedikit berbeza untuk ketiga-tiga kumpulan etnik. Kelahiran luar negara mempunyai peluang lebih 2 kali ganda menyertai sektor swasta bagi ketiga-tiga kumpulan etnik. Dari aspek perkembangan ekonomi setempat, etnik Melayu mendapat faedah daripada perkembangan sektor perkilangan dan pengangkutan baik di bandar maupun di luar bandar. Perkembangan ekonomi setempat tidak banyak mewujudkan peluang yang sama kepada etnik Cina bandar, tetapi sektor perkilangan dan penginapan dan restoran di luar bandar mewujudkan kesan positif kepada penyertaan dalam sektor swasta. Kebarangkalian untuk menyertai sektor swasta ditingkatkan dengan perkembangan sektor perkilangan dan penginapan dan restoran bagi etnik India bandar.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencadangkan terdapat beberapa perbezaan yang ketara dari segi peluang penyertaan dalam sektor terpilih, mengikut kumpulan etnik dibandingkan dengan dapatan kajian Hirschman (1983). Ini bererti dalam tempoh 40 tahun, wujud perbezaan yang signifikan dalam konteks penyertaan dalam sektor ekonomi terpilih, mengikut etnik.

Dalam konteks peluang menceburi pekerjaan kolar putih, tidak wujud lagi perbezaan bagi etnik Cina dan Melayu setelah mengambilkira interaksi etnik, latar belakang sosial dan struktur pasaran buruh. Bagaimanapun, etnik India masih sedikit ketinggalan berbanding etnik Melayu. Kesan kasar faktor etnik adalah 1.2 kali ganda bagi etnik Cina berbanding Melayu, manakala tiada perbezaan peluang bagi etnik India dengan Melayu. Ini jauh berbeza dengan dapatan Hirschman (1983), yang melaporkan etnik Cina dan India masing-masing mempunyai kebarangkalian lebih 6 dan 5 kali ganda berbanding etnik Melayu, untuk menyertai sektor pekerjaan kolar putih. Dapatan Hirschman (1983) agak menarik dalam konteks setelah interaksi pasaran buruh dan latar belakang sosial dipertimbangkan, etnik Melayu dalam tahun 1970 mempunyai kelebihan sebanyak 2 kali ganda untuk bekerja dalam sektor kolar putih berbanding etnik Cina dan India. Ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan peluang pekerjaan kolar putih dalam tempoh tersebut adalah dalam sektor awam. Bagaimanapun, dalam kajian ini, kesan tersebut tidak lagi wujud dalam perbandingan etnik Cina dan Melayu; dan jurang perbezaan antara etnik India dan Melayu telah berkurangan lebih daripada separuh. Penggunaan definisi kolar putih yang terhad kepada pengurusan dan profesional juga memberikan keputusan yang sama untuk faktor kumpulan etnik.

Secara amnya, identiti etnik masih menjadi faktor yang membezakan peluang bekerja di sektor perkilangan dan perniagaan. Bagaimanapun, kadar kelebihan peluang etnik Cina dan India telah menunjukkan pengurangan yang sangat ketara berbanding dengan penemuan Hirschman (1983) menggunakan data banci tahun 1970. Ini menunjukkan setelah 40 tahun, dasar ekonomi berasaskan etnik telah berjaya membantu menangani isu identiti sektor ekonomi berasaskan etnik dalam konteks mengurangkan perbezaan tetapi belum menghapuskan perbezaan secara total.

Dari segi penyertaan dalam sektor perkilangan, etnik masih membezakan peluang penyertaan dengan keadaan etnik Cina dan India mempunyai peluang lebih daripada sekali ganda berbanding etnik Melayu. Malah pengenalan faktor individu dan pasaran buruh tidak mengurangkan nilai ini dengan signifikan. Biarpun pengurangan yang ketara dari segi peluang untuk pelbagai etnik, khususnya Melayu untuk menyertai sektor perkilangan, berbanding dengan 40 tahun yang lampau, faktor etnik masih membezakan peluang penyertaan.

Komposisi industri setempat memberikan keputusan yang menarik, dalam konteks perbezaan dengan keputusan Hirschman (1983). Dalam kajian tersebut, perkembangan sektor perkilangan memberi kesan positif kepada penyertaan sektor perkilangan untuk kumpulan etnik Melayu dan Cina, tetapi tidak India. Penyertaan dalam sektor perkilangan berhubungkait secara positif dengan perkembangan ekonomi setempat dalam kebanyakan sektor bagi etnik Cina. Dalam dapatan ini, pola

tersebut berubah dengan jelas. Perkaitan positif antara penyertaan dalam sektor perkilangan dengan perkembangan sektor ekonomi setempat lebih jelas bagi etnik India, berbanding etnik Cina di kawasan bandar. Kesan positif perkembangan sektor perkilangan ke atas penyertaan dalam sektor perkilangan yang lebih ketara kepada etnik Cina berbanding etnik lain juga tidak lagi ditemui dalam kajian ini.

Untuk sektor perniagaan, peluang etnik India dan Cina adalah antara 1 ke 2 kali ganda lebih daripada etnik Melayu. Dapatan ini jauh berbeza dengan keadaan ekonomi pada tahun 1970 sebagaimana yang dilaporkan oleh Hirshman (1983). Pada waktu tersebut, etnik India dan Cina mempunyai peluang yang sangat besar berbanding etnik Melayu, masing-masing sebanyak 17 dan 10 kali ganda, sama dengan apa yang dialami dalam tahun 1947. Terdapat peningkatan yang ketara dalam tempoh 40 tahun dari segi peluang menyertai sektor perniagaan bagi etnik Melayu. Pemerhatian ini mencadangkan dari tahun-tahun 1947 sehingga 1970, tanpa campur tangan polisi berasaskan etnik, peluang penyertaan etnik Melayu kekal terhad. Pengenalanan polisi ekonomi berasaskan etnik mulai tahun 1970 telah membuka lebih banyak peluang kepada etnik Melayu, sebagaimana yang ditunjukkan dengan pengurangan kelebihan etnik-etnik lain dengan ketara pada tahun 2010.

Dalam konteks perbandingan dengan kajian Hirshman (1983), dapatan ini mencadangkan telah wujud perubahan struktur yang ketara dari aspek keterlibatan kumpulan etnik dalam bidang perniagaan. Dalam kajiannya yang menggunakan data banci 1970, Hirschman mendapati etnik Cina bandar mempunyai 19 kali ganda peluang berbanding Cina luar bandar untuk menceburi sektor ini, dan angka ini hanya 7.8 kali ganda untuk etnik Melayu bandar. Stratifikasi geografi tidak lagi relevan dalam kajian ini untuk mana-mana kumpulan etnik. Dengan kata lain, sektor perniagaan bukan lagi sektor ekonomi bandar sebagaimana yang dilabelkan sebelum ini.

Selain itu, kajian Hirshman (1983) turut mendapati perkembangan sektor perniagaan baik di bandar atau luar bandar mampu menjana peluang yang lebih banyak untuk etnik Cina dan India (hanya di bandar); dan kesan ini tidak wujud untuk etnik Melayu. Demikian juga perkembangan sektor pertanian padi dan getah memberi peluang yang lebih kepada etnik Cina untuk menceburi bidang perniagaan. Dapatan kajian yang baru ini menunjukkan selepas 40 tahun, terdapat sedikit perbezaan dan persamaan dalam lanskap etnik dalam sektor perniagaan dalam beberapa cara. Pertama dari segi peluang penyertaan dalam sektor perniagaan, perkembangan sektor perniagaan sendiri tidak lagi menjana peluang pekerjaan tambahan dalam sektor perniagaan bagi semua kumpulan etnik di bandar. Bagaimanapun, kesan ini masih wujud dengan ketara bagi etnik Cina di pekan kecil. Perkembangan sektor penginapan dan restoran pula memberi kelebihan kepada etnik Cina dan India bandar dari segi penyertaan dalam sektor perniagaan. Ini menunjukkan perkembangan sektor perkhidmatan mencipta peluang yang lebih besar untuk etnik Cina dan India. Dapatan ini adalah penting kerana struktur ekonomi negara sedang mengalami transformasi ke aras sektor perkhidmatan sebagai teras utama. Kesan yang sama tidak wujud untuk etnik Melayu.

Kedua, perkembangan sektor ekonomi lain memberi kesan negatif kepada penyertaan etnik Melayu dalam sektor perniagaan. Dapatan ini konsisten dengan penemuan Hirschman (1983) di mana perkembangan sektor pertanian dan perkhidmatan di bandar ketika itu, mengurangkan peluang etnik Melayu untuk menyertai sektor perniagaan. Selepas 40 tahun, sektor perniagaan masih menjadi pilihan kedua etnik Melayu. Ini disebabkan perkembangan sektor lain akan mengurangkan penglibatan etnik Melayu dalam sektor perniagaan. Atau dalam kata lain, perkembangan sektor-sektor ekonomi setempat tidak menjana pekerjaan dalam sektor perniagaan, untuk etnik Melayu. Keadaan ini berbeza untuk dua etnik lain yang dikaji. Misalnya, perkembangan sektor perhotelan dan restoran mewujudkan peluang tambahan untuk etnik India dan Cina berniaga di bandar, manakala untuk etnik Cina di pekan kecil, perkembangan sektor perniagaan setempat akan mewujudkan lebih peluang kepada mereka untuk berniaga. Demikian juga dengan peluang ekonomi persekitaran. Kajian ini mendapati etnik Cina mempunyai keupayaan untuk menjana peluang perniagaan yang lebih apabila mendepani saiz pasaran yang lebih besar di bandar. Kesan yang sama tidak wujud untuk etnik Melayu di bandar. Dapatan ini hanya mencadangkan peluang kepada etnik Melayu untuk menyertai sektor perniagaan adalah masih terhad. Perkembangan ekonomi setempat tidak cukup untuk menjana peluang tambahan untuk mereka terlibat dalam sektor perniagaan. Ia menunjukkan sektor perniagaan merupakan sektor di mana penglibatan etnik Melayu masih memerlukan kepada dasar berasaskan etnik. Ekonomi pasaran yang diprosikan oleh perkembangan ekonomi setempat tidak dapat meningkatkan penglibatan etnik Melayu dalam perniagaan. Kajian ini bagaimanapun tidak menjawab apakah sebab yang mendasari keadaan ini.

Dapatan ini juga berkait rapat dengan status majikan dalam pasaran buruh. Perkembangan sektor perniagaan setempat di bandar dan pekan kecil meningkatkan peluang etnik Cina menjadi majikan. Kesan ini turut wujud untuk golongan India di bandar. Bagaimanapun kesan ini tidak wujud untuk etnik Melayu. Demikian juga tinggal di bandar yang lebih besar meningkatkan peluang etnik Cina dan India untuk menjadi majikan menunjukkan kemampuan mengambil peluang daripada perkembangan ekonomi setempat. Kesan ini juga tidak wujud untuk etnik Melayu.

Hirschman (1983) dalam makalahnya menimbulkan persoalan adakah ini disebabkan oleh sifat semulajadi etnik Cina yang cenderung kepada perniagaan atau disebabkan oleh faktor kedudukan yang telah berakar umbi. Hirshman (1983) tidak mengkaji hipotesis ini selanjutnya tetapi penemuan kajian ini mencadangkan besar kemungkinan cadangan Hirschman adalah benar disebabkan kesan yang sama masih wujud setelah 40 tahun. Dalam kajian ini, kesan yang ketara adalah kesan asakan keluar untuk etnik Melayu menyertai sektor perniagaan. Perkembangan sektor lain akan mendorong etnik Melayu mengelak dari menyertai sektor perniagaan. Ini membangkitkan persoalan yang sama, adakah ia disebabkan oleh sifat etnik Melayu yang

tidak cenderung kepada perniagaan atau disebabkan bidang perniagaan sukar diceburi disebabkan wujudnya kedudukan yang telah berakar umbi (*entrenched position*) sebagaimana dihipotesiskan oleh Hirshman (1983).

Introspeksi awal data menunjukkan jurang yang agak besar wujud dari segi status guna tenaga berasaskan kumpulan etnik. Etnik Cina dan India jauh lebih ramai yang berstatus majikan dan pekerja di sektor swasta berbanding etnik Melayu. Hasil regresi menyokong pemerhatian ini dengan etnik membezakan peluang berstatus majikan dan pekerja swasta. Walaupun jumlah perbezaan dalam status majikan kelihatan kecil, tetapi persoalan seterusnya yang timbul adalah adakah ini yang menyebabkan jurang perbezaan yang besar dari segi peluang pekerjaan di sektor swasta. Hanya 50% daripada etnik Melayu bekerja dalam sektor swasta berbanding etnik Cina dan India, masing-masing 68% dan 74%. Status majikan memberikan kawalan ke atas pengambilan pekerja; dan ini mungkin memberi kelebihan kepada etnik lain untuk bekerja di sektor swasta.

KESIMPULAN

Kajian ini mengkaji keperluan kepada pengekalan polisi ekonomi berasaskan etnik setelah Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan selama lebih separuh abad. Kaedah empirikal dipilih untuk mencerminkan isu ini bagi mendapatkan cadangan yang lebih objektif, manakala penggunaan data banci kebangsaan bertujuan untuk menjalankan analisis menggunakan saiz pemerhatian yang lebih besar dan mendapatkan keputusan yang lebih sesuai untuk digeneralisasikan.

Pada dasarnya, faktor etnik masih menjadi pembeza kepada peluang untuk menyertai sektor ekonomi terpilih, iaitu perniagaan dan perkhidmatan. Pemerhatian yang sama diperoleh untuk status gunatena, iaitu peluang menjadi majikan dan bekerja di sektor swasta. Penglibatan etnik Melayu masih jauh ketinggalan berbanding etnik Cina dan India, didasari oleh struktur pasaran buruh yakni perkembangan ekonomi akan membuka peluang kepada etnik Cina dan India tetapi tidak etnik Melayu. Keputusan ini sama dengan Hirshman (1983). Oleh itu, soalan yang ditimbulkan Hirshman masih relevan sehingga kini, iaitu mengapakah etnik Cina lebih bijak mengambil peluang. Adakah ini disebabkan mereka mempunyai kelebihan dari segi kedudukan yang telah berakar umbi untuk mengambil manfaat daripada perkembangan ekonomi setempat? Faktor seperti hubungan kekeluargaan, pemilikan dan penguasaan pengurusan mungkin mewujudkan peluang kepada etnik Cina sedangkan etnik Melayu tidak memiliki kelebihan ini. Oleh itu, masih wujud ruang yang memerlukan kepada intervensi untuk merapatkan jurang dari segi peluang kepada pelbagai kumpulan etnik. Keseluruhannya, ini mencadangkan dasar ekonomi berasaskan kumpulan etnik masih relevan. Bagaimanapun, fokus polisi perlu disesuaikan kepada peluang penyertaan dalam sektor perniagaan, peluang untuk menjadi majikan dan penyertaan dalam sektor swasta.

Kajian yang lebih lanjut diperlukan untuk melihat sama ada faktor karakteristik etnik sendiri atau faktor akar umbi yang mendasari penguncupan peluang untuk etnik Melayu dengan ketara untuk menceburi sektor perniagaan apabila ekonomi berkembang pesat. Pemahaman kepada situasi ini akan memberikan panduan yang lebih jelas tentang corak polisi berasaskan etnik yang diperlukan bagi menghapuskan atau merapatkan perbezaan antara kumpulan etnik dari segi peluang menceburi sektor perniagaan.

Perlu ditekankan di sini, cadangan keperluan meneruskan polisi ekonomi berasaskan etnik bagaimanapun adalah cadangan umum. Ia tidak merujuk kepada penerusan polisi sedia ada secara pukal. Kelemahan polisi sedia ada dan impak negatifnya ke atas kecekapan pasaran dan pertumbuhan ekonomi tidak dinafikan. Pengenalpastian struktur polisi yang sesuai dengan keadaan semasa dan yang mempunyai potensi meningkatkan penguasaan etnik Melayu dalam sektor perniagaan dan swasta, memerlukan kajian lanjut yang berada di luar skop kajian ini. Pemahaman mengenai apa yang menghalang penyertaan etnik Melayu dan mengapa perkembangan ekonomi tidak menjana peluang tambahan kepada etnik Melayu untuk menyertai sektor perniagaan mungkin boleh memberikan panduan tentang struktur intervensi yang diperlukan.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini memilih untuk menggunakan data banci bagi mengurangkan kadar bias dalam dapatan. Ini disebabkan data banci diperoleh dengan rangka persampelan yang ditentukan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Lebih penting lagi, penggunaan data banci membolehkan keputusan kajian digeneralisasikan disebabkan data yang relatif besar dan persampelan yang menghasilkan cerapan yang dapat mewakili populasi secara keseluruhan. Bagaimanapun, data banci hanya tersedia dalam jangka masa sepuluh tahun sekali. Data banci terbaru yang tersedia untuk kegunaan kajian ini adalah data pada tahun 2010. Oleh itu, kajian ini dijalankan menggunakan data yang agak terkebelakang. Begitupun, biasanya perubahan yang melibatkan struktur seperti ini memerlukan masa yang agak lama untuk berubah. Oleh itu, kami percaya data ini dapat menerangkan perubahan yang telah berlaku dalam tempoh 40 tahun semasa Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan; dan ia juga masih relevan dalam konteks 10 tahun kebelakangan ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya untuk geran penyelidikan UM.0000369/HGA.GV

RUJUKAN

- Alhadjri, A. & Kumar, N. 2021. 50 tahun selepas DEB, jurang kekayaan dan etnik. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/582686>
- Bengtson, A. 2022. Affirmative Action in the Political Domain. *Political Studies*.
- Chin, Y.W. & Teh, B.C.G., 2017. Malaysia's protracted affirmative action policy and the evolution of the bumiputera commercial and industrial community. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 32(2): 336–73.
- Chua, A. 2003. *World on Fire: How Exporting Free-Market Democracy Breeds Ethnic Hatred and Global Instability*. Heinemann, London.
- Durie, M. & o te Tau, T.M. 2005. Race and ethnicity in public policy: Does it work? *Social Policy Journal of New Zealand* 24: 1-11.
- Gomez, E.T. 2012. Targeting horizontal inequalities: Ethnicity, equity and entrepreneurship in Malaysia. *Asian Economic Papers* 11(2): 31-57
- Gomez, E.T. & Jomo, K.S. 1999. *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Hirschman, C. 1983. Labor markets and ethnic inequality in Peninsular Malaysia, 1970. *The Journal of Developing Areas* 18(1): 1-20
- Jabatan Statistik Malaysia. 2019. Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey.
- Jomo K.S. 2004. *The New Economic Policy and Interethnic Relations in Malaysia. Identities, Conflict and Cohesion Programme Paper Number 7 September 2004*. United Nations Research Institute for Social Development.
- Khalid, M.A. & Yang, L. 2021. Income inequality and ethnic cleavages in Malaysia: Evidence from distributional national accounts (1984–2014). *Journal of Asian Economics* 72(2).
- Laboris, I. 2020. Action speaks louder than words: Perspectives on affirmative action from the UK and Brazil, with comments from other countries. Lexology. Retrieved February 22, 2023, from <https://www.lexology.com/library/detail.aspx?g=939ac3b2-8a51-49e6-b6ff-0b417c564788>
- Lee, H.A. 2021. *Fifty Years of Malaysia's New Economic Policy: Three Chapters with No Conclusion*. ISEAS Economic Working Paper No. 2021-07, Yusof Ishak Institute.
- Lee, H.A., Gomez, E.T. & Yaakob, S. 2013. *Ethnicity, Economy, and Affirmative Action in Malaysia (Affirmative Action, Ethnicity And Conflict)*. Routledge London.
- Meyer, B.D. & Mittag, N. 2019. Using linked survey and administrative data to better measure income: Implications for poverty, program effectiveness, and holes in the safety net. *American Economic Journal: Applied Economics* 11(2): 176-204.
- Mokhtar, K.S., Reen, C.A. & Singh, P.S.J. 2013. The New Economic Policy (1970–1990) in Malaysia: The economic and political perspectives. *GSTF Journal of Law and Social Sciences* 2(2): 12
- Ng, A., Firouz, A.M.M., Khalidi, J.R., Muhtar, M.A., Tumin, S.A., Man, T.K.... & Gen, T.Z. 2018. The state of households 2018: different realities. Khazanah Research Institute.
- Osman, Z., Shahiri, H. 2014. Ethnic and gender inequality in employment during the New Economic Policy. *Institutions and Economies* 6(1): 57-72.
- Ostwald, K. 2022. Malaysia in 2021: Pandemic, emergency, and reprieve. *Asian Survey* 62(1): 83-92.
- Prime minister's Office of Malaysia. Prime Minister's Office of Malaysia. (2019, December 18). Retrieved February 22, 2023, from <https://www.pmo.gov.my/2019/10/shared-prosperity-vision-2030-2/>
- Ravallion, M. 2019. Ethnic Inequality and Poverty in Malaysia Since 1969. NBER Working Papers 25640, National Bureau of Economic Research.
- Ravallion, M. 2020. Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969. Part 2: Poverty. *World Development* 134.
- Roslan, A.H. 2003. Income inequality, poverty and redistribution policy in Malaysia. *Asian Profile* 31(3): 217-238.
- Safari, M.A.M. & Masseran, N. 2019. Measuring income inequality in Malaysia based on household income survey. *Journal of Quality Measurement and Analysis* 15: 59-75.
- Sukemi, M.N., Nawawi, M.N., Ahmat, N. & Yusof, A.R.M. 2020. Tindakan afirmatif di Malaysia: Menghapuskan kekeliruan menerangi kebenaran. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 4(2): 57-70.
- Stiglitz, J.E. 2012. *The Price of Inequality: How Today's Divided Society Endangers Our Future*. New York: W.W. Norton & Co.

- Thillainathan, R. 2011. Economic crises: An overview of causes and responses. In Z.A. Mahani (Ed.), *Malaysia: Policies and issues in economic development* (pp. 101-118). Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies.
- Thillainathan, R. & Cheong, K.C. 2016. Malaysia's New Economic Policy, Growth and Distribution: Revisiting the Debate. *Malaysian Journal of Economic Studies* 53(1): 1-8.

Roza Hazli Zakaria
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: roza@um.edu.my

Nurul Huda Mohd Satar*
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: nurulhuda@um.edu.my

Nur Annizah Ishak
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: annizah@um.edu.my

* Corresponding author

LAMPIRAN A

JADUAL 4. Faktor penyertaan sektor ekonomi terpilih mengikut kumpulan etnik

	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
KARAKTER INDIVIDU						
<i>Umur</i>						
18-34						
35-44	1.021	-0.858*	-0.987	-0.852*	1.096*	-0.925
45-64	-0.909*	-0.679*	-0.858*	-0.701*	1.046	-0.77*
<i>Tempat Lahir</i>						
Pantai Barat						
Pantai Timur	-0.85*	-0.907*	-0.937	1.129*	-0.773*	1.107
Utara	-0.841*	1.272*	1.206*	1.07	-0.732*	1.232*
Sabah Sarawak	-0.868*	1.218*	1.593	-0.926	-0.537*	-0.695
Lain-lain	-0.51*	-0.71*	-0.649*	1.472*	-0.987	1.304
<i>Pendidikan</i>						
Tiada						
Sekolah Rendah	1.259	1.451*	-0.866	1.17	-0.831	1.481*
Sekolah Menengah	6.719*	5.687*	4.31*	1.528*	-0.845	1.167
Pend Tertiari	34.683*	15.823*	18.854*	1.041	-0.682*	-0.88
<i>Status Migrasi</i>						
Tidak pernah migran						
Migran antara negeri	1.349*	1.438*	1.04	-0.689*	1.018	-0.797
Migran dalam daerah	1.262*	1.172*	1.113	-0.923	-0.963	-0.958
Migran tanpa kategori	1.397*	1.418*	1.343	-0.75*	1.129	-0.932
STRUKTUR PASARAN BURUH						
Luar Bandar	-0.429*	-0.035*	-0.962	1.872	-0.207	1.567
Saiz Bandar	1*	1	1*	1	1*	1*

Saiz Pekan	1*	1	1	1*	1	1
<i>Industri Bandar</i>						
Pertanian	-0.976*	-0.957*	-0.986	1.008*	1.007	1.024*
Perkilangan	1.006*	-0.993*	1.006	1.059*	1.078*	1.06*
Pembinaan	1.029*	1.046*	1.045*	-0.95*	1.095*	-0.98
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil	-0.999*	1	1	1	1	1
Pengangkutan	1.016*	1.017*	1.033*	1.005	-0.962*	1.003
Penginapan, Makanan dan Minuman	-0.955*	-0.923*	-0.958*	1.01	-0.978*	1.028*
Perkhidmatan Kerajaan	1.023*	1.009	1.045*	-0.995	-0.993	1.007
Pendidikan	1.006	-0.981*	-0.962*	1.014	-0.972*	1.09*
<i>Industri Pekan</i>						
Pertanian	-0.999	1.013	-0.988	-0.994	1.022	1.002
Perkilangan	1.021*	1.038*	1.025	1.059*	1.083*	1.045*
Pembinaan	-0.987*	1.027*	1	-0.977*	1.004	1.081*
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil	1.004	-0.999	-0.99	-0.989	1	1.01
Pengangkutan	1.019	1.037	-0.961	-0.977	1.081*	1.054
Penginapan, Makanan dan Minuman	-0.988	1.116*	-0.986	-0.996	1.034	-0.973
Perkhidmatan Kerajaan	1.033*	1.022	1.061	-0.993	1.081*	-0.991
Pendidikan	0.982	1.027	-0.938	1.002	-0.964	1.044
Konstan	-0.061*	-0.221*	-0.065*	-0.052*	-0.055*	-0.026*
R-Squared	0.281	0.185	0.215	0.114	0.186	0.076

JADUAL 4. sambungan

KARAKTER INDIVIDU	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
<i>Umur</i>									
18-34									
35-44	-0.831*	-0.942	-0.861	-0.955	1.314*	1.189	-0.68*	-0.644*	-0.76*
45-64	-0.773*	-0.932	-0.904	-0.925	1.428*	1.289	-0.493*	-0.51*	-0.578*
<i>Tempat Lahir</i>									
Pantai Barat									
Pantai Timur	1.056	1.176*	1.03	-0.892	1.168*	-0.834	-0.898*	-0.959	-0.901
Utara	-0.939	1.201*	-0.96	-0.895	-0.995	-0.703	-0.865*	1.027	-0.877
Sabah Sarawak	1.007	-0.886	1.258	1.146	-0.699*	-0.535	-0.866*	1.205*	-0.879
Lain-lain	1.383*	1.389*	1.38*	-0.734	-0.739	-0.688	2.078*	2.329*	2.488*
<i>Pendidikan</i>									
Tiada									
Sekolah Rendah	-0.984	1.18	-0.836	1.348	1.514	1.962	-0.822*	-0.619*	-0.828
Sekolah Menengah	1.143	1.46*	-0.982	1.211	1.726*	1.501	-0.858*	-0.778*	-0.724
Pend Tertiari	-0.825	-0.941	-0.768	-0.728	1.437	1.292	-0.596*	1.079	-0.613*
<i>Status Migrasi</i>									
Tidak pernah migran									
Migran antara negeri	-0.821*	-0.895	-0.867	-0.56*	-0.95	-0.96	-0.763*	1.352*	-0.977
Migran dalam daerah	-0.916	-0.927	-0.914	-0.733*	-0.969	1.101	-0.966	1.111	-0.948
Migran tanpa kategori	-0.98	-0.799	-0.995	-0.867	-0.828	1.052	-0.82*	-0.995	-0.907
STRUKTUR PASARAN BURUH									
Luar Bandar	1.227	-0.26	1.847	1.31	-0.105	-0.001	-0.508	-0.458	-0.955
Saiz Bandar	1	1*	1	1	1*	1*	1*	1*	1*
Saiz Pekan	1*	1	1	1	1	1	1*	1*	1
<i>Industri Bandar</i>									
Pertanian	-0.984*	1.003	-0.988	1.001	1.009	1.02	-0.988*	-0.985*	-0.993
Perkilangan	-0.984*	-0.999	-0.991	-0.984*	-0.986*	-0.99	1.02*	1.004	1.017*
Pembinaan	-0.964*	-0.957*	1.013	1.015	1.009	-0.999	1.002	-0.994	1.002
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil	1.001	1	1	1.001	1.001*	1	-0.999	-0.999*	1
Pengangkutan	-0.919*	-0.937*	-0.971	-0.973	1.013	-0.969	1.027*	-0.991	1.013
Penginapan, Makanan dan Minuman	-0.978*	1.015*	1.041*	-0.994	-0.937*	-0.943*	1.006	1.039*	1.024*
Perkhidmatan Kerajaan	-0.952*	-0.997	1.015	-0.973*	1.052*	-0.99	-0.969*	-0.926*	-0.978
Pendidikan	-0.957*	-0.963*	-0.938*	1.009	-0.931*	-0.999	-0.993	1.002	-0.997

<i>Industri Pekan</i>									
Pertanian	-0.966*	-0.992	-0.986	-0.997	1.028*	1.098*	-0.995	-0.983*	-0.996
Perkilangan	-0.974*	-0.995	-0.98	-0.986	1.002	1.052	1.031*	1.015*	1.008
Pembinaan	-0.981*	-0.997	1.003	1.018*	1.02	1.017	1.003	1.014	1.015
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil	1	1.057*	-0.995	1	1	1.009	-0.984*	1	1.025
Pengangkutan	-0.968*	-0.935*	-0.93	-0.971	1.009	1.127	1.045*	1.018	1.013
Penginapan, Makanan dan Minuman	-0.979*	1.007	1.038	-0.984	1.036	1.112	1.029*	1.048*	1.002
Perkhidmatan Kerajaan	-0.963*	-0.996	-0.987	-0.983	-0.971	1.098	-0.98*	-0.991	-0.989
Pendidikan	-0.952*	1.06	-0.973	-0.997	1.05	1.116	-0.994	-0.915*	-0.961
Konstan	1.399*	-0.532*	-0.271*	-0.066*	-0.121*	-0.103*	1.274*	2.693*	2.459*
R-Squared	0.028	0.03	0.029	0.034	0.046	0.045	0.15	0.206	0.065

LAMPIRAN B

JADUAL 5. Peluang penyertaan sektor ekonomi terpilih: kumpulan etnik, faktor sosial dan struktur pasaran buruh

	I	II	III	IV	V	I	II	III	IV	V
KARAKTER INDIVIDU										
<i>Etnik</i>										
Melayu										
Cina	1.174*	1.113	-0.983*	-0.94*	-0.955*	1.248*	1.247*	1.171*	1.199*	1.151*
India	-0.974	-0.986	-0.881*	-0.856*	-0.846*	1.472*	1.396*	1.318*	1.339*	1.265*
<i>Umur</i>										
18-34										
35-44		-0.989	-0.986	-0.993	-0.987		-0.888*	-0.886*	-0.883*	-0.88*
45-64		-0.83*	-0.83*	-0.842*	-0.843*		-0.774*	-0.774*	-0.767*	-0.777*
<i>Tempat Lahir</i>										
Pantai Barat										
Pantai Timur		-0.678*	-0.713*	-0.788*	-0.851*		-0.794*	-0.814*	-0.778*	1.034
Utara		-0.794*	-0.808*	-0.949	-0.971		1.285*	1.298*	1.211	-0.949
Sabah Sarawak		-0.687*	-0.696*	-0.823*	-0.988		-0.557*	-0.559*	-0.522*	-0.869*
Lain-lain		-0.524*	-0.53*	-0.546*	-0.559*		1.22*	1.231*	1.208*	1.303*
<i>Status Migrasi</i>										
Tidak pernah migran										
Migran antara negeri		1.445*	1.356*	1.328*	1.217*		1.056	1.026	1.016	1.02*
Migran dalam daerah		1.375*	1.3*	1.282*	1.244*		-0.958	-0.928*	-0.935*	-0.937
Migran tanpa kategori		1.488*	1.394*	1.332*	1.304*		1.039	1.004	1.015	-0.94
<i>Pendidikan</i>										
Tiada										
Sekolah Rendah		1.054	1.07	1.086	1.084		1.081	1.094*	1.077	1.036
Sekolah Menengah		5.364*	4.854*	4.838*	4.782*		1.346*	1.281*	1.28*	1.171
Pend Tertiar		24.01*	20.682*	20.075*	20.773*		-0.988	-0.911	-0.931	-0.811*
STRUKTUR PASARAN BURUH										
Luar Bandar			-0.502*	-0.59*	-0.317*			-0.715*	-0.814*	-0.867

Saiz Bandar				1*	1*				1*	1
Saiz Pekan				1	1*				1	1
<i>Industri Bandar</i>										
Pertanian					-0.974*					1.003
Perkilangan					1*					1.067*
Pembinaan					1.033*					1.004
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil					1					1
Pengangkutan					1.006					1
Penginapan, Makanan dan Minuman					-0.944*					1.006
Sektor Awam					1.016*					1
Pendidikan					1.001					1.015
<i>Industri Pekan</i>										
Pertanian					-0.995*					1.002
Perkilangan					1.018*					1.073*
Pembinaan					-0.985*					1.006
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil					1*					1*
Pengangkutan					1.013*					1.002
Penginapan, Makanan dan Minuman					1.001					1.006
Sektor Awam					1.012					1.008
Pendidikan					1.007					1.019*
Konstan	-0.685*	-0.111*	-0.145*	-0.104*	-0.139*	0.208*	-0.194*	-0.222*	-0.254*	-0.042*
R-Squared	0.071	0.243	0.257	0.264	0.278	0.012	0.029	0.033	0.037	0.127

JADUAL 5. sambungan

	I	II	III	IV	V	I	II	III	IV	V
KARAKTER INDIVIDU										
<i>Etnik</i>										
Melayu										
Cina	2.014*	2.038*	1.943*	1.908*	1.854*	1.843*	1.996*	2.073*	2.135*	2.22*
India	1.267*	1.251*	1.197*	1.184*	1.161*	1.271*	1.324*	1.372*	1.398*	1.47*
<i>Umur</i>										
18-34										
35-44		-0.892*	-0.891*	-0.893*	-0.892*		1.033	1.034	1.033	1.029
45-64		-0.886*	-0.886*	-0.891*	-0.886*		1.077	1.077	1.068	1.053
<i>Tempat Lahir</i>										
Pantai Barat										
Pantai Timur		-0.992	1.011	1.059*	1.085*		1.174*	1.161*	1.086	1.034
Utara		-0.964	-0.97	1.045	1.028		0.955	-0.951	-0.854*	-0.915
Sabah Sarawak		-0.842*	-0.846*	-0.915*	-0.921		1.355*	1.348*	1.204*	1.01
Lain-lain		1.238*	1.245*	1.27*	1.294*		0.845	-0.841	-0.82	-0.794*
<i>Status Migrasi</i>										
Tidak pernah migran										
Migran antara negeri		-0.814*	-0.797*	-0.788*	-0.833*		0.691*	-0.701*	-0.709*	-0.725*
Migran dalam daerah		-0.931*	-0.91*	-0.904*	-0.93*		0.873*	-0.889	-0.894	0.893
Migran tanpa kategori		-0.894	-0.872*	-0.853*	-0.87*		0.863	-0.879	-0.905	-0.929
<i>Pendidikan</i>										
Tiada										
Sekolah Rendah		1.082	1.088	1.097	1.157*		1.201*	1.2*	1.2*	1.204
Sekolah Menengah		1.453*	1.395*	1.392*	1.434*		1.118	1.152	1.161	1.168*
Pend Tertiar		1.13*	1.061	1.037	1.041		0.719*	-0.752*	-0.784*	-0.792*

STRUKTUR PASARAN BURUH

Luar Bandar	-0.779*	-0.828*	5.8*			1.174*	1.066	-0.591		
Saiz Bandar		1*	1*				1*	1*		
Saiz Pekan		1*	1				1*	1		
<i>Industri Bandar</i>										
Pertanian				-0.986*				1.002		
Perkilangan				-0.983*				-0.983*		
Pembinaan				-0.962*				1.008		
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil				1				1.001		
Pengangkutan				-0.924*				-0.985		
Penginapan, Makanan dan Minuman				-0.984*				-0.967*		
Sektor Awam				-0.955*				-0.99		
Pendidikan				-0.954*				-0.98*		
<i>Industri Pekan</i>										
Pertanian				-0.953*				-0.994		
Perkilangan				-0.951*				-0.992		
Pembinaan				-0.961*				1.01		
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil				1				1		
Pengangkutan				-0.935*				-0.977*		
Penginapan, Makanan dan Minuman				-0.96*				-0.995		
Sektor Awam				-0.92*				1.007		
Pendidikan				-0.923*				1.006		
Konstan	0.16*	-0.131*	-0.146*	-0.125*	1.043	-0.035*	0.036*	-0.033*	-0.041*	-0.097*
R-Squared	0.023	0.029	0.031	0.032	0.055	0.01	0.032	0.033	0.035	0.039

JADUAL 5. sambungan

	I	II	III	IV	V
KARAKTER INDIVIDU					
<i>Etnik</i>					
Melayu					
Cina	2.188*	2.09*	1.879*	1.794*	1.695*
India	2.83*	2.752*	2.494*	2.439*	2.277*
<i>Umur</i>					
18-34					
35-44		-0.683*	-0.68*	-0.683*	-0.682*
45-64		-0.494*	-0.492*	-0.498*	-0.502*
<i>Tempat Lahir</i>					
Pantai Barat					
Pantai Timur		-0.656*	-0.683*	-0.772*	-0.894*
Utara		-0.824*	-0.838*	1.014*	-0.913*
Sabah Sarawak		-0.659*	-0.665*	-0.804*	1.048
Lain-lain		1.791*	1.812*	1.922*	2.076*
<i>Status Migrasi</i>					
Tidak pernah migran					
Migran antara negeri		1.005*	-0.949	-0.932*	-0.993*
Migran dalam daerah		1.058	1	-0.982	-0.984
Migran tanpa kategori		1.036	-0.977	-0.923*	-0.902
<i>Pendidikan</i>					
Tiada					
Sekolah Rendah		-0.912*	-0.917*	-0.94*	-0.926
Sekolah Menengah		1.164*	1.055	1.058*	1.013
Pend Tertiari		1.079	-0.926	-0.878*	-0.85*
STRUKTUR PASARAN BURUH					

Luar Bandar			-0.591*	-0.663*	-0.749
Saiz Bandar				1*	1*
Saiz Pekan				1*	1*
<i>Industri Bandar</i>					
Pertanian					-0.989*
Perkilangan					1.016
Pembinaan					1
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil					1
Pengangkutan					1.017
Penginapan, Makanan dan Minuman					1.016
Sektor Awam					-0.961
Pendidikan					-0.996
<i>Industri Pekan</i>					
Pertanian					-0.994
Perkilangan					1.021
Pembinaan					-0.998
Perdagangan Borong Runcit dan Perusahaan Automobil					1
Pengangkutan					1.007
Penginapan, Makanan dan Minuman					1.023
Sektor Awam					-0.939
Pendidikan					1
Konstan	1.021	1.259	1.611	1.056	1.018
R-Squared	0.089	0.164	0.176	0.19	0.213